



Submission date: 11/12/2018

Accepted date: 2/04/2019

## HAK KEPADA NASAB KANAK-KANAK DALAM *BABY HATCH* DI MALAYSIA

*The Offspring Rights among Children at Baby Hatch in Malaysia*

Siti Nur Aqilah Bux Binti Sheikh Johari Bux

Mohd Al Adib Samuri

Universiti Kebangsaan Malaysia

aqilahbux@gmail.com

### Abstrak

*Baby Hatch* merupakan tempat perlindungan bayi yang tidak diingini. Bayi di *Baby Hatch* selalunya tidak mempunyai identiti yang pasti. Ini adalah kerana, bayi ditinggalkan tanpa pengenalan diri, tanda agama serta maklumat peribadi lain. Dengan kepesatan pembangunan di Malaysia, boleh jadi bayi tersebut merupakan warganegara Malaysia mahupun warganegara luar. Penduduk yang mempunyai pelbagai latar belakang agama dan budaya juga menyukarkan untuk bayi tersebut dikenali agama dan bangsanya. Permasalahan timbul apabila bayi itu akan diserahkan kepada keluarga angkat. Ini adalah kerana, hak setiap kanak-kanak untuk hidup dalam keluarga yang bahagia, dalam keadaan beragama dan mendapat pendidikan yang sewajarnya. Namun, bayi di *Baby Hatch* masih tidak mempunyai nasab yang jelas untuk mereka mendapatkan hak-hak yang lain. Oleh itu, kajian ini akan menerangkan hak bayi di *Baby Hatch* iaitu nasab bayi di *Baby Hatch* mengikut perundangan Malaysia dan syariah. Hak nasab bayi menurut undang-undang Malaysia dianalisa sama ada selari dengan konsep yang telah digariskan oleh syariah atau tidak. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif menerusi pendekatan analisis dokumen dan temubual dengan pengendali *Baby Hatch* di Malaysia. Hasil dapatan kajian ini diharap dapat memberikan rujukan dan garis panduan yang jelas mengenai hak nasab kanak-kanak di *Baby Hatch*.

Kata kunci: nasab bayi, baby hatch, syariah, undang-undang Malaysia.

### Abstract

Baby hatch is a temporary shelter for abandoned babies. Normally babies that were left at baby hatch comes from unidentified background with no personal information,no religion background and no other information related to the babies.

With current development in our country, it is more harder to identify whether the parent of these babies were malaysian citizens or foreigners. Besides, we live in a multiracial country and that makes it even harder to identify their race and religion. The problem arise when these unfortunate babies were handed over to their foster parent. This is because, these babies have the rights to be brought up in a happy family with good religion uphold and receive the best education. However, due to unclear offspring in the baby background, the chances for the baby to obtain his or her rights become harder. Thus, this research aim to explain the rights of babies from baby hatch by focusing on the offspring in accordance to the country and shariah laws. The baby offspring rights based on Malaysia laws were analysed to see whether it is aligned with the concept ruled out by shariah laws. Qualitative method was used analysis of document and interview session with the Baby Hatch operator. We hope that the outcome from this research can be use as future reference and guidelines for the rights of children from Baby Hatch.

Keywords: offspring, baby hatch, shariah law, Malaysia law.

## PENDAHULUAN

Pada tahun 2017, Malaysia dikejutkan dengan mayat bayi tanpa kepala dan tangan yang dijumpai di hadapan sebuah kilang di Jalan Bakar Arang di Sungai Petani, Kedah (Malaysia kini,2017). Masalah ini bukan baharu dalam kalangan masyarakat Malaysia. Isu buang bayi sudah menjadi barah sejak berzaman lagi. Bayi ini dibuang oleh penjaganya tanpa memikirkan keselamatan bayi tersebut. Atas sebab ini, beberapa pihak yang prihatin telah mengambil inisiatif menujuhkan pusat perlindungan bayi yang dikenali sebagai *Baby Hatch*.

*Baby Hatch* atau kotak untuk meletakkan bayi merupakan satu ruang khas bagi menempatkan bayi yang membolehkan mana-mana ibu atau individu yang terdesak untuk meninggalkan bayi mereka dengan selamat (Jabatan Kebajikan Masyarakat, 2013). Kaedah ini telah lama diperaktikkan di benua Eropah. Pada tahun 1198 satu idea bagi mewujudkan tempat perlindungan bayi dicadangkan oleh Pope Innocent III di Italy apabila ramai bayi dilemaskan di Sungai Tiber. Ibu yang tidak menginginkan bayi mereka boleh meletakkan bayi itu di dalam roda silinder yang disediakan di luar gereja. Loceng kemudiannya akan berbunyi bagi memberitahu bahawa adanya bayi yang diletakkan di situ (Hibbert, 2006). Oleh itu, keselamatan bayi ini akan terjamin. Amalan ini menjadi popular pada abad ke-17 dan mula berkurang pada abad ke-19.

Terdapat pelbagai sebab bayi ditinggalkan antaranya ibubapa dan penjaga tidak mempunyai kemampuan dari aspek kewangan untuk menjalankan tanggungjawab mereka dan bayi dilahirkan di luar ikatan perkahwinan. Oleh itu, mereka merasakan

dengan meninggalkan bayi di *Baby Hatch*, hak bayi ini akan lebih terjamin dari aspek kehidupan, kesihatan serta pendidikannya.

### **BABY HATCH DI MALAYSIA**

Idea *Baby Hatch* ini terus berkembang dan akhirnya diamalkan di Malaysia pada tahun 2010. *Baby Hatch* dirasmikan oleh D.Y.M.M Sultanah Pahang Tuanku Hajjah Sultanah Kalsom binti Abdullah, Menteri dari Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat pada waktu itu, Dato' Seri Shahrizat Jalil dan Presiden Yayasan OrphanCare, Dato' Adnan Mohd Tahir (OrphanCare Foundation, 2017). Pada peringkat awal, *Baby Hatch* ini dikendalikan di sebuah rumah yang disediakan di Petaling Jaya di samping beberapa hospital yang turut mengambil bahagian. Sehingga tahun 2018, terdapat 13 buah *Baby Hatch* di seluruh Malaysia termasuk di Sabah dan Sarawak.

Tujuan penubuhan *Baby Hatch* ini adalah bagi mengurangkan kes pembuangan bayi di Malaysia yang semakin meningkat. Statistik Jabatan Pendaftaran Negara pada tahun 2016 menunjukkan sejumlah 159,725 bayi luar nikah dilahirkan oleh ibu yang beragama Islam dari tahun 2013 hingga 2015. Ini menunjukkan 140 bayi tidak sah taraf dilahirkan setiap hari (Freemalaysiatoday. 2016). Manakala kes pembuangan bayi makin meningkat dari 90 orang pada tahun 2013, 102 pada tahun 2014 dan 104 pada tahun 2015 (Foon fong, 2016). Tujuan penubuhan *Baby Hatch* ini adalah untuk menyelamatkan bayi yang tidak berdosa kerana setiap bayi berhak untuk mendapat kehidupan yang baik. Sesuai dengan slogan OrphanCare '*Every Child Needs a Family*' (OrphanCare Foundation, 2017). Ia bukan untuk menggalakkan penzinaan kerana telah banyak program-program yang telah dilaksanakan oleh badan-badan bukan kerajaan (NGO) lain untuk menyedarkan masyarakat tentang bahaya zina.

Bayi yang ditinggalkan di *Baby Hatch* ini akan diberi perlindungan sementara sebelum diambil sebagai anak angkat oleh keluarga yang membuat permohonan. Keluarga yang ingin mengambil anak angkat akan dinilai dari aspek pendapatan isi rumah, usia perkahwinan melebihi lima tahun, penerimaan anak angkat di dalam keluarga, ekonomi dan kesihatan. Pihak OrphanCare juga akan memudahkan urusan pengangkatan dan dokumentasi seperti sijil lahir (OrphanCare Foundation, 2017). Oleh itu, alternatif *Baby Hatch* di Malaysia dilihat dapat memelihara kehidupan seorang bayi yang berhak mendapat kasih-sayang daripada sebuah keluarga.

Terdapat beberapa permasalahan yang timbul daripada aplikasi *Baby Hatch* ini kerana kebanyakan bayi yang ditinggalkan tiada pengenalan diri. Walaupun pihak OrphanCare telah menjamin keselamatan dan kerahsiaan penjaga yang meletakkan bayi mereka di *Baby Hatch*, serta meletakkan borang untuk diisi, masih ramai

penjaga yang meletakkan bayi mereka dan terus berlalu tanpa meninggalkan sebarang tanda pengenalan, agama, bangsa dan warganegara bayi.

Permasalahan *Baby Hatch* di Malaysia timbul apabila negara ini sedang melalui fasa urbanisasi dan globalisasi yang membawa masuk warganegara luar bagi tujuan pembangunan ekonomi. Dengan kepelbagaiannya kerakyatan, bangsa dan agama di Malaysia, bayi yang ditinggalkan tanpa pengenalan diri menyebabkan taraf kewarganegaraan, agama dan bangsa bayi ini tidak dapat dikenalpasti. Akhirnya, bayi ini diklasifikasikan sebagai bukan warganegara dan menyukarkan proses pengangkatan di Jabatan Pendaftaran Negara. Ia juga menyebabkan berlakunya kerosakan pada nasab bayi. Ini kerana, bayi yang tidak diketahui ibubapanya akan terus dinasabkan sebagai anak tidak sah taraf menggunakan 99 nama Allah.

## **HAK NASAB**

Hak mendapat nasab atau garis keturunan merupakan anugerah Allah SWT kepada setiap bayi yang lahir dari pernikahan yang sah. Nasab berasal dari perkataan Bahasa Arab **نسب** – ينسب – نسبا yang bererti keturunan (Luis Ma'luf, 1997). Allah SWT berfirman surah al-Furqan ayat 54:

وَهُوَ الَّذِي خَلَقَ مِنَ الْمَاءِ بَشَرًا فَجَعَلَهُ أَنَّهُ يَنْسَبُ وَصِهْرًا ۝ وَكَانَ رَبُّكَ فَالْبِرُّ۝

*Maksudnya: Dan Dia (pula) yang menciptakan manusia dari air, lalu Dia jadikan manusia itu (punya) keturunan dan musaharah (hubungan kekeluargaan yang berasal dari perkahwinan) dan adalah Tuhanmu Mahakuasa.*

Ibnu ‘Arabi menjelaskan bahawa nasab adalah sebuah istilah yang mengambarkan bayi yang lahir daripada proses percampuran sperma lelaki dan ovum seorang wanita mengikut undang-undang Islam. Sekiranya percampuran itu tidak berlandaskan undang-undang Islam, bayi tersebut tidak layak untuk mendapat hak nasab (Ibn Manzur & Muhammad bin Mukrim, t.th).

## **PENENTUAN NASAB MENURUT FIQH**

Setiap anak yang dilahirkan akan dinasabkan kepada bapanya apabila menepati syarat-syarat tertentu. Tujuan disabitkan nasab kepada bapa bayi (*thubut al-ubuwwah*) adalah bagi melindungi hak-hak bayi seperti perwalian, nafkah, hadanah dan pewarisan. Sabitan nasab juga, dapat melindungi maruah seorang ibu. Ulama telah menggariskan beberapa kaedah bagi penentuan nasab mengikut syariah dan dibahagikan kepada beberapa kategori iaitu:

### **Pertama: Firash**

Firash adalah pembuktian bahawa adanya hubungan antara lelaki dan wanita melalui pernikahan. Firash dari segi bahasa adalah nama yang diambil sempena tempat berlakunya persetubuhan (Wahbah al-Zuhaily, t.th). Firash terbahagi kepada tiga kaedah iaitu perkahwinan yang sah, perkahwinan yang fasid dan persetubuhan yang syubahah (Wahbah Al-Zuhayli, t.th).

Kaedah pertama, perkahwinan yang sah adalah kehamilan yang wujud dari perkahwinan dengan akad yang sah. Dalam tempoh perkahwinan itu apabila seorang isteri mengandung, maka anak yang dikandungkan akan dinasabkan kepada suami tanpa perlu pengakuan dari suami dan tidak perlu pembuktian daripada saksi.

الْوَلَدُ لِلْفَرَاشِ وَلِلْعَاهِرِ الْحَجَرِ

*Maksudnya: Anak itu haknya (laki-laki) yang memiliki tempat tidur dan bagi yang berzina tidak mempunyai hak apapun (atas anak tersebut). Hadith saih riwayat Bukhari (no. 6749) dan Muslim (4/171).*

Terdapat beberapa syarat dalam menentukan nasab bagi perkahwinan yang sah iaitu: pertama, isteri mengandung hasil dari hubungan suami isteri, dan jika suami tidak mampu melakukan hubungan seksual atau tidak pernah bersama isterinya maka, anak tersebut tidak boleh dinasabkan kepada suaminya.

Kedua, nasab ditetapkan apabila isteri mengandung lebih dari enam bulan dari tempoh perkahwinan menurut kesepakatan ulama fiqh berdasarkan firman Allah SWT dalam surah al-Ahqaf ayat 15:

وَوَصَّيْنَا الْإِنْسَانَ بِوَالدَّيْهِ إِحْسَانًا ۝ حَكَمَتْ أُمَّةٌ كُنْزَهَا وَوَضَعَتْهُ كُنْزَهَا ۝ وَحَمَلَهُ وَفَصَالَهُ ثَلَاثُونَ شَهْرًا

*Maksudnya: Dan Kami wajibkan manusia berbuat baik kepada kedua ibu bapanya; ibunya telah mengandungnya dengan menanggung susah payah dan telah melahirkannya dengan menanggung susah payah. Sedang tempoh mengandungnya beserta dengan tempoh menceraikan susunya ialah dalam masa tiga puluh bulan.*

Ketiga, tiada pengingkaran dari suami bahawa anak yang dilahirkan itu adalah anaknya. Apabila berlakunya pengingkaran dari suami, perlu disabitan li'an terhadap isterinya melalui hukum syarak.

Kaedah kedua, perkahwinan yang fasid adalah pernikahan yang kurang pada salah satu syarat dari rukun pernikahan, contohnya perkahwinan yang berlaku sebelum tamatnya tempoh iddah seorang isteri (Ibn Rusyd, 1994).

Kaedah ketiga, persetubuhan yang syubahah. Contohnya, seorang lelaki yang menyetubuh seorang wanita dengan menyangka wanita tersebut adalah isterinya dan wanita itu mengandung lebih dari enam bulan qamariah, lelaki itu hendaklah disifatkan sebagai ayah kepada anak tersebut (Ibn Abidin, 1996).

Penentuan nasab anak yang dilahirkan melalui persetubuhan secara syubahah, adalah sama seperti penentuan nasab bagi wanita yang diceraikan daripada perkahwinan (Wahbah al-Zuhayli, t.th).

### **Kedua : Melalui Pengakuan atau Ikrar**

Ikrar nasab atau disebut sebagai dakwaan nasab terbahagi kepada dua bahagian, pertama, ikrar ke atas diri sendiri, iaitu ikrar seorang ayah terhadap anaknya atau ikrar seorang anak bagi mengakui ibubapanya (Wahbah Al-Zuhayli, 1996). Kedua, ikrar ke atas orang lain. Ikrar ini adalah pengakuan yang diletakkan kepada orang lain, iaitu ikrar keturunan yang merupakan sebahagian daripada asal nasab. (Wahbah Al-Zuhayli, 1996). Contohnya seseorang menyatakan “Ini adalah saudara saya sebelah ibu”.

Ikrar merupakan hujah yang paling kukuh dalam konteks pembuktian. Ini kerana kebanyakkan hak atau kepentingan tidak boleh dibuat kesaksian atau dikemukakan bukti bertulis bagi memperakui atau mendapatkan (Amin, 2005). Selain itu, ikrar hendaklah dibuat di hadapan hakim atau ikrar di luar mahkamah yang disertai dua orang saksi yang berakal, baligh dan adil. Sekiranya ikrar tersebut terdapat unsur paksaan, secara semula jadi ikrar itu terbatal dan tidak boleh disabitkan nasab (Zulkfli, 2008).

Nasab yang disabitkan tidak boleh dilepaskan atau dinafikan selepas berlakunya ikrar tersebut. Ini kerana ikrar telah disabitkan nasab yang didatangi oleh dalil-dalil syar’i dan tidak dihilangkan dengan keenggannya dari mengakui nasab (Ibrahim, 1995).

### **Ketiga : Melalui Keterangan**

Keterangan adalah perbicaraan yang penting. Melalui keterangan hukum ia dapat dilaksanakan secara adil (Mahmud Saedon, 2003). Selain pengakuan, keterangan adalah lebih kuat kerana ia meliputi orang yang dituduh dan pihak-pihak lain (Che Maryam, 2004).

Keterangan juga diperuntukkan dalam undang-undang keterangan Mahkamah Syariah yang menyatakan bahawa pembuktian adalah satu proses untuk menegakkan perkara yang di dakwa. Proses ini memerlukan keterangan yang sahih untuk

dikemukakan di Mahkamah Syariah. Apabila Mahkamah percaya akan segala keterangan dan fakta yang dikemukakan, ia disebut sebagai bukti atau terbukti (Ruzman, 2005).

#### **Keempat : Kesaksian atau Syahadah**

Kesaksian adalah salah satu pembuktian dalam undang-undang Keterangan Islam. Pensabitan nasab ditentukan melalui kesaksian oleh dua orang lelaki atau seorang lelaki dan dua orang wanita (Ibrahim, 2005). Menurut mazhab Maliki, dua orang saksi lelaki diperlukan dan mazhab syafi'i kesaksian dapat dilakukan oleh dua orang lelaki atau seorang lelaki dan dua orang wanita atau empat orang wanita. Tidak boleh kurang dari saksi-saksi tersebut (al-Syafi'i, 2001).

Akan tetapi dalam keadaan tertentu, seorang saksi lelaki cukup memberi kesaksian dan seorang wanita Islam yang adil boleh diterima kesaksiannya. Contohnya apabila seorang wanita itu merupakan bidan, doktor atau jururawat yang menyambut kelahiran bayi tersebut (Siti Zalikha Mohd Nor, 1989).

Terdapat perbezaan antara kesaksian dan keterangan. Keterangan lebih luas perbahasannya, bahkan mencakupi semua jenis keterangan sedangkan kesaksian lebih khusus. Namun, ia tertakluk kepada beberapa syarat (Mahmud Saedon, 2003).

#### **Kelima: DNA**

DNA adalah singkatan bagi '*deoxyribonucleic acid*'. Ia adalah bahan genetik asas yang terkandung di dalam semua sel hidup kecuali sel darah merah. DNA bagi setiap individu adalah unik kecuali kembar seiras kerana mempunyai DNA yang serupa. Secara individu, sebahagian ciri DNA diwarisi dari ibu kandung dan sebahagian dari ayah kandung (Jabatan Kimia Malaysia, 2017). Molekul DNA merupakan asas maklumat di dalam sel kehidupan, manakala Gen adalah sub-unit kepada DNA yang berperanan dalam menentukan keturunan (Anuar Zaini, 2001).

Penggunaan DNA dalam kaedah penentuan nasab bukan sesuatu pembaharuan yang menyalahi syariah (Mahmood Zuhdi. 2004). Kemajuan sains dan teknologi ini dapat dihubungkaitkan dengan al-Quran. Al-Quran jelas menyebut aspek kehidupan manusia yang berkait dengan pandangan sains (Anuar Zaini, 2001). Contoh di dalam surah al-Mukminun ayat 14:

ثُمَّ خَلَقْنَا الْنُّطْفَةَ عَلَقَةً فَخَلَقْنَا الْعَلَقَةَ مُضْعَةً فَخَلَقْنَا الْمُضْعَةَ عِظِيمًا فَكَسَوْتَا الْعِظِيمَ لَهُمَا ثُمَّ أَنْشَأْنَاهُ خَلْقًا ءَاخَرَ ۝ فَبَارَكَ اللَّهُ أَحْسَنُ الْخَلْقَيْنَ

*Maksudnya: Kemudian air mani itu Kami jadikan segumpal darah, lalu segumpal darah itu Kami jadikan segumpal daging, dan segumpal daging itu Kami jadikan*

*tulang belulang, lalu tulang belulang itu Kami bungkus dengan daging. Kemudian Kami jadikan dia makhluk yang (berbentuk) lain. Maka Maha sucilah Allah, Pencipta Yang Paling Baik.*

DNA menentukan keturunan atau nasab melalui persamaan sifat genetik yang sama. Kesempurnaan ciptaan Allah dapat dilihat apabila pewarisan dapat diwarisi dengan terbuktinya melalui DNA yang mengandungi maklumat genetik yang diwarisi oleh ibu dan ayah.

Kebanyakan ulama meletakkan DNA setaraf dengan *al-qiyafah* iaitu melalui tafsiran ilmu firasat salasiah. Namun, apabila berlakunya perselisihan antara DNA dengan *al-qiyafah*, maka perlu didahulukan dengan pandangan pakar perubatan. Ini kerana ia terbukti melalui kajian sains berbanding *al-qiyafah* yang melalui proses anggapan (Muhammad Nasir, 2005).

Ulama kontemporari berpendapat bahawa penentuan nasab harus ditentukan oleh pakar perubatan. Penentuan nasab berlaku apabila pakar perubatan mendapati ada persamaan darah anak dengan ibubapanya (Al-Zaydan, 1993).

### **Keenam : *Qiyafah***

*Qiyafah* bermaksud mengesan jejak. *Qiyafah* yang digunakan di dalam kalangan bangsa Arab merupakan mengesan kesamaan satu kaum daripada bangsa mereka. Ia dilaksanakan oleh orang mempunyai pengetahuan tentang sifat-sifat keserupaan manusia. Mereka digelar sebagai ‘*al-qai’f*’ (Wahbah Al-Zuhayli, 1996).

*Al-Qaif* adalah seseorang yang memiliki kemampuan atau penelitian terhadap kesamaan seseorang dalam menentukan nasab melalui ciri khas yang mereka miliki (Ar-Ramli, t.th). Di dalam kitab al-Umm juga mengatakan *qiyafah* adalah tindakan seseorang yang mampu membuktikan kesamaan seseorang dengan salah satu keluarganya dalam menunjukkan nasab seseorang itu (Muhammad Idris as-Syafi’i, 2001). Namun, pada zaman moden kaedah *qiyafah* tidak digunakan lagi.

### **Ketujuh : URCIC**

URCIC adalah satu aplikasi yang dibina bagi menentukan sejarah dan nama keluarga. Salasilah yang dipaparkan bermula di Amerika Syarikat pada tahun 1920. Web ini menyediakan kemudahan dengan hanya memasukkan nama penuh, maka salasilah keturunan akan terpapar. Ia merangkumi asal-usul keluarga yang mempunyai nama yang sama serta maklumat seperti gambar dan nama ahli keluarga lain yang berada pada keturunan yang sama (Urcic Family History, 2017).

Namun begitu, aplikasi ini masih belum dipraktikkan di Malaysia. Selain itu, nasab juga tidak dapat ditentukan dengan tepat dengan menggunakan URCIC. Ini kerana

gambar rajah pokok yang dipaparkan boleh sahaja bercampur antara nasab yang sebenar dan anak angkat. Selain tu, web ini hanya akan memaparkan maklumat yang telah dimasukkan ke dalam data URCIC. Seseorang tidak dapat mengetahui nasabnya sekiranya ahli keluarga tidak memasukkan data peribadinya. Oleh itu, kaedah penentuan nasab yang lebih tepat perlu dilaksanakan.

## **PENENTUAN NASAB BAYI DI BABY HATCH**

Penentuan nasab bayi di *Baby Hatch* dapat dibahagikan kepada dua kategori iaitu bayi yang tidak dituntut dan bayi yang dituntut oleh penjaga.

### Bayi yang tidak dituntut

Bagi bayi yang tidak dituntut oleh penjaga, Pentadbir OrphanCare Puan Syarhah Mohamed Tahir mengatakan bahawa penentuan nasab bayi ini dapat dikategorikan kepada dua. Pertama, bayi yang ditinggalkan bersama dokumen kelahiran. Bagi bayi yang mempunyai dokumen kelahiran, pihak pengurusan Orphancare akan mendaftarkan bayi tersebut melalui dokumen yang diberikan untuk mendapat kelayakan warganegara Malaysia dan kesahartafan anak tersebut antara anak sah taraf ataupun anak luar nikah. Bagi bayi yang tidak sah taraf, maka bayi tersebut akan dibin atau binti kepada sembilan puluh sembilan nama Allah. Manakala kategori kedua, bayi yang tidak mempunyai dokumen diri. Bagi bayi yang tidak ada dokumen diri, mereka melihat ciri-ciri khas yang ada pada bayi tersebut untuk menentukan keturunan bayi sama ada Muslim atau bukan Muslim. Bagi bayi yang tiada ciri-ciri khas iaitu melalui ras kulit atau tanda sesuatu agama, maka bayi tersebut akan diletakkan sebagai anak Muslim.

Sekiranya terdapat tanda-tanda agama pada bayi tersebut maka bayi itu akan dinasabkan kepada tanda agama yang tertera. Contohnya apabila bayi yang diletakkan di *Baby Hatch* bersama rantai salib, bayi tersebut akan diletakkan sebagai bayi beragama kristian. Begitu juga, dengan bayi yang lain datang bersama petunjuk yang menandakan sesuatu agama.

Bayi yang tiada dokumen diri hanya akan mendapat pengenalan diri dan bangsa sahaja. Bayi itu tidak layak untuk mendapat warganegara Malaysia walaupun bayi tersebut merupakan anak yang dilahirkan di Malaysia. Oleh itu, bayi yang ada di *Baby Hatch* untuk mendapatkan warganegara perlu ada penjaga tetap melalui pengangkatan anak. Bayi yang mempunyai keluarga angkat dari pengangkatan anak boleh memohon warganegara melalui prosedur yang ditetapkan oleh undang-undang Malaysia.

### Bayi yang dituntut

Sekiranya ada penjaga yang menuntut bayi mereka di bawah pengurusan Orphancare, maka bayi itu tidak akan sewenangnya diberikan kepada penjaga tersebut. Pelbagai bukti akan diambil kira. Bagi anak hasil zina, hanya ibu yang boleh menuntut semula bayi tersebut. Seperti hadis Nabi Muhammad SAW:

عن أبي هريرة عن النبي قال: الولد للغراش وللعاهر الحجر

*Maksudnya: Anak itu ialah hak ibunya dan bagi bapa (penzina) hanya batu sahaja.* (Muttafaq Alaih)

Ujian DNA perlu dilaksanakan bagi mengesahkan pertalian keduanya. Selepas itu, ibu tersebut akan diberi bimbingan untuk membesarkan anaknya. Penentuan nasab anak zina juga tertakluk kepada Undang-Undang Keluarga Islam (Akta Wilayah Persekutuan) 1984 (IFLA).

Manakala bagi bayi yang diletakkan di *Baby Hatch* kemudian ingin diambil semula hak penjagaannya oleh penjaganya, ia dikategorikan sebagai anak buangan (*al-Laquit*). *Al-Laquit* merupakan kanak-kanak yang dibuang kerana ibubapa atau penjaga takut untuk melaksanakan tanggungjawab atau takut dihina atau mlarikan diri dari tohmahan zina serta tidak diketahui ibubapa mereka atas sebab-sebab tertentu (Wahbah Al-Zuhayli, 1989). Nasab *al-Laquit* dalam kategori ini ditentukan seperti berikut:

- i. Sekiranya terdapat seseorang yang membuat pengakuan bahawa *al-Laquit* itu merupakan anaknya dan tiada orang lain yang menyangkalnya, maka anak itu dinasabkan kepadanya tanpa perlu kepada keterangan. Begitu juga sekiranya yang membuat pengakuan itu merupakan ibu kepada *al-Laquit* (Muhammad Juwad Mughniyah, t.th). Dalam kes di *Baby Hatch*, ibubapa atau penjaga menyimpan sendiri dokumen pengenalan bayi dan tidak diserahkan sewaktu meletakkan bayi tersebut. Namun, ujian DNA masih perlu dilaksanakan bagi memastikan bayi yang diserahkan benar-benar kepunyaan ibubapa yang membuat pengakuan.
- ii. Sekiranya terdapat dua orang yang mengaku bahawa *al-Laquit* itu merupakan anaknya tanpa adanya keterangan maka terbahagi kepada dua: pertama, sekiranya seorang Muslim dan seorang lagi kafir, maka yang Muslim lebih berhak diterima nasabnya. Kedua, sekiranya keduanya ialah Muslim, dan salah seorang boleh manyatakan apa-apa tanda yang ada di tubuh *al-Laquit*, maka menurut mazhab Hanafiyyah, orang itu lebih berhak ke atas *al-Laquit* tersebut (Wahbah Al-Zuhayli, 1989, 767).

iii. Sekiranya terdapat dua orang yang mengaku bahawa *al-Laqt* itu merupakan anaknya dan salah seorang ada keterangan dan seorang lagi tiada, maka perlu diputuskan mengikut pandangan pakar dalam mengenal nasab melalui kaedah *qiyaṣah* (Wahbah Al-Zuhayli, 1989, 767) ataupun ujian DNA.

Sekiranya terdapat individu lain yang ingin mengambil bayi di *Baby Hatch* ini, mereka haruslah berdaftar dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM). JKM hanya menguruskan hak anak pelihara. Manakala bagi urusan anak angkat diuruskan oleh Jabatan Pendaftaran Negara (JPN). Namun begitu, anak ini tidak dinasabkan kepada penjaganya sekiranya beragama Islam. Ia masih perlu dinasabkan kepada Abd dan nama-nama Allah pilihan. Sesuai dengan hadis Nabi SAW:

عن انس قال: قال النبي: من ادعى إلى غير أبيه أو إنتمى إلى غير مواليه، فعليه لعنة الله المستتابة إلى يوم القيمة

*Maksudnya: Barangsiapa yang mendakwa (berbinkan) kepada bukan bapanya atau bernasab kepada bukan maula (tuannya), maka ke atasnya lagnat Allah yang berterusan hingga hari Kiamat.*

Bagi pengangkatan anak bukan Islam, ia tidak dapat ditetapkan hukum yang pasti.

## PENENTUAN NASAB MENGIKUT UNDANG-UNDANG MALAYSIA

Dalam undang-undang Malaysia, hak kanak-kanak tidak dinyatakan secara khusus. Walau bagaimanapun, ia boleh didapati dalam pelbagai undang-undang dan tidak tersusun. Untuk tujuan hak keturunan terdapat dalam Seksyen 2 Undang-Undang Keluarga Islam (Akta Wilayah Persekutuan) 1984 (IFLA), “nasab” bermaksud keturunan yang berdasarkan pertalian darah yang sah. Seksyen 110 membincangkan keperibadian bapa di mana seorang kanak-kanak yang dilahirkan oleh seorang wanita yang berkahwin dengan seorang lelaki yang lebih daripada enam bulan qamariah dari tarikh perkahwinannya itu atau dalam masa empat tahun qamariah selepas perkahwinan itu dibubarkan sama ada oleh sebab kematian lelaki itu atau oleh sebab perceraian, dan wanita itu pula tidak berkahwin semula, maka lelaki itu hendaklah disifatkan sebagai bapa anak itu, tetapi lelaki itu boleh, dengan cara *li'an* atau kutukan, menafikan anak itu sebagai anaknya di hadapan Mahkamah.

Terdapat beberapa perkara dapat dibahaskan dalam penentuan nasab kanak-kanak mengikut Undang-Undang Malaysia iaitu:

Anak yang lahir lebih enam bulan daripada tarikh perkahwinan.

Dalam hal ini, anak tersebut dinasabkan kepada bapa walaupun dilahirkan enam bulan dua saat selepas tarikh perkahwinan. Hak-hak lain juga terpelihara kerana

penasaban ini. Seperti kes Wan Khairi bin Wan Azmi lwn Farah Nurliliana binti Jauhari [2011] 1 CLJ (Sya) 344, yang melibatkan pemohon (suami) yang memohon agar anak yang dilahirkan oleh isterinya Farah Nurliliana binti Jauhari pada 7 Disember 2010 jam 9.20 pagi dinasabkan kepada pemohon. Mahkamah telah memutuskan bahawa anak itu hendaklah dinasabkan kepada Wan Khairi bin Wan Azmi. Ini adalah kerana, mengikut perkiraan Hakim, anak tersebut dilahirkan enam bulan empat hari selepas tarikh perkahwinan ibubapanya. Walaupun diragui status kesahtaraan anak tersebut, namun Hakim dapat bahawa responden telah melahirkan bayi tersebut dalam tempoh melebihi enam bulan dua saat daripada tarikh akad nikah dengan pemohon.

**Anak yang lahir kurang enam bulan daripada tarikh perkahwinan.**

Anak ini tidak boleh dinasabkan kepada suami kerana lahir kurang enam bulan dari tarikh perkahwinan. Sekiranya terjadi penceraian, maka ibu berhak sepenuhnya ke atas anak tersebut seperti yang berlaku dalam kes Julina lwn Ihsanullah [2013] di dalam Mahkamah Tinggi Syariah Wilayah Persekutuan Putrajaya yang menuntut hak penjagaan sepenuhnya ke atas anak perempuannya. Plaintiff dan Defendant telah bernikah secara sah mengikut hukum syarak pada 23 Februari 2006 di Kuching, Sarawak dan perkahwinan telah dibubarkan melalui perceraian fasakh pada 22 Mei 2013. Anaknya telah dilahirkan pada 12 Julai 2006 iaitu selepas 4 bulan 19 hari dari tarikh pernikahan Plaintiff dan Defendant. Hakim telah memutuskan bahawa anak tersebut merupakan anak tidak sah taraf dan merujuk kepada Seksyen 85 Akta Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah-wilayah) Persekutuan 1984: Penjagaan kanak-kanak tak sah taraf adalah semata-mata pada ibu dan saudara mara ibu.

Begitu juga hak kewalian dan kepusakaan tidak dapat diberikan kepada anak yang lahir kurang enam bulan daripada tarikh perkahwinan. Seperti kes Raisha binti Annuar, Kes No: 05100-006-0447-2009 memohon supaya beliau dinasabkan kepada ayahnya Annuar bin Hj. Zakaria. Beliau telah menghantar borang permohonan nikah di Pejabat Agama PD dan Pejabat Agama mendapat bahawa beliau telah dilahirkan kurang enam bulan qamariah dari tarikh pernikahan Annuar bin Hj. Zakaria dan Zaharah binti Yunus. Setelah meneliti bukti-buktinya, mahkamah memutuskan bahawa status pemohon ialah anak tidak sah taraf dan pernikahan beliau hendaklah berwalikan wali hakim.

**Anak yang lahir selepas berlaku penceraian.**

Terdapat beberapa bahagian dalam kesahtaraan anak yang lahir selepas berlaku penceraian seperti kes pertama, Wan Azmi lwn Nik Salwani [1990] 9 JH (2) 192. Plaintiff iaitu Nik Salwani telah berkahwin dengan Defendant pada 27 Jun 1987 dan bercerai pada 21 Disember 1987. Pada 18 Mac 1988 telah lahir seorang anak. Plaintiff telah menuntut nafkah mengandung dan nafkah anak namun Defendant

menafikan anak itu anaknya. Mahkamah telah memutuskan bahawa anak itu telah dilahirkan lebih enam bulan dua saat dari tarikh perkahwinan dan terdapat bukti berlakunya persetubuhan di antara kedua suami isteri. Mahkamah juga menolak tuntutan Defendan yang menafikan anak tersebut kerana beliau tidak terus menafikan anak tersebut selepas anak itu dilahirkan tetapi penafian dibuat setelah tuntutan nafkah dibuat.

Dalam kes Ismail bin Ishak Iwn Kalam binti Mamat [1995] 10 JH 41, perceraian yang telah berlaku pada 28 September 1985. Empat tahun kemudian pada 23 September 1989 seorang bayi telah dilahirkan. Pemohon menafikan beliau merupakan bapa anak itu, tetapi responden mendakwa bahawa rujuk telah berlaku selepas perceraian. Oleh kerana tidak ada bukti bahawa rujuk telah berlaku, mahkamah memutuskan bahawa bayi itu bukan anak pemohon dan tidak boleh dinasabkan kepada pemohon. Hal ini selari dengan Akta 303 Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) Seksyen 111 yang mengatakan jika anak itu dilahirkan lebih daripada empat tahun qamariah selepas perkahwinan itu dibubarkan sama ada oleh sebab kematian lelaki itu atau oleh sebab perceraian, lelaki itu tidak boleh disifatkan sebagai bapa anak itu melainkan jika lelaki itu atau mana-mana warisnya menegaskan bahawa anak itu adalah anak lelaki itu.

#### Anak yang lahir daripada persetubuhan syubhah.

Tidak banyak kes yang melibatkan persetubuhan syubhah sehingga melahirkan anak melainkan beberapa pernikahan yang sempat diselesaikan oleh mahkamah seperti pernikahan Aziz M. Osman dan Nor Radhiah Ramli pada tahun 2009 dan Hafiz Hamidon dan Siti Arifah pada tahun 2017. Keduanya tidak mempunyai anak hasil daripada perkahwinan dan perkahwinan mereka dibubarkan oleh mahkamah.

Namun bagi kes Abd. Halim bin Md. Hashim (pemohon 1) dan Azila binti Ramli @ Ismail (pemohon 2), Kes Mal Bil: 10200-012-0401-2011 telah bernikah pada 27 Mac 2005 di Gopeng, Perak telah diwalikan oleh jurunikah yang didakwa pemohon sebagai Wali Hakim. Sebelum pernikahan, pemohon 1 telah mempunyai seorang isteri dan dua orang anak. Manakala hasil perkahwinan dengan pemohon 2 pula telah dikurniakan tiga orang anak. Pemohon 1 dan 2 telah memperolehi Surat Pengesahan Sijil Perakuan Nikah dari Pejabat Agama Islam Kampong Gajah, Perak yang mana surat tersebut menyatakan bahawa Surat Perakuan Nikah pemohon adalah palsu dan tidak pernah dikeluarkan oleh mana-mana Penolong Pendaftar Kariah daerah tersebut. Oleh itu mahkamah memutuskan bahawa pernikahan antara pemohon 1 dan 2 adalah fasid dan tidak sah mengikut hukum syarak. Pernikahan tersebut difaraqkan serta-merta dan anak-anak hasil perkahwinan tersebut boleh dinasabkan kepada pemohon 1 sebagai anak sah taraf. Ini selari dengan Akta 303 Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) Seksyen 113 yang

menyatakan bahawa jika seorang lelaki melakukan persetubuhan syubhab dengan seorang perempuan dan kemudiannya perempuan itu melahirkan seorang anak dalam tempoh antara enam bulan qamariah hingga empat tahun qamariah selepas persetubuhan itu, maka lelaki itu hendaklah disifatkan sebagai bapa anak itu.

Manakala di dalam Undang-Undang Sivil, kesahteraan seseorang anak boleh ditentukan berdasarkan Akta Keterangan 1950, Seksyen 112, menyatakan bahawa mana-mana orang telah dilahirkan dalam masa ibunya masih meneruskan perkahwinanya yang sah dengan mana-mana lelaki, atau dalam masa dua ratus lapan puluh hari selepas perkahwinan itu dibubarkan, dan ibunya masih belum berkahwin lagi, hendaklah menjadi bukti konklusif bahawa orang itu ialah anak sah taraf lelaki itu, melainkan jika boleh dibuktikan bahawa pihak yang berkahwin itu tidak mempunyai akses antara satu sama lain pada bila-bila masa yang membolehkan anak itu dilahirkan (Seksyen 112, Akta Keterangan 1950).

Berdasarkan peruntukan di atas, terdapat sedikit perbezaan bagi pengesahan anak seseorang yang beragama Islam dan bukan muslim untuk disabitkan kepada seorang lelaki sebagai seorang bapa. Jelas di dalam Undang-Undang Islam meletakkan syarat untuk menasabkan seseorang anak perlu anak itu lahir selepas enam bulan dari tarikh perkahwinan. Berbeza dengan peruntukan Undang-Undang Sivil menyatakan apabila seorang wanita melahirkan anak di dalam tempoh perkahwinan dengan tidak meletakkan syarat minimum tempoh kelahiran atau dalam tempoh dua ratus lapan hari setelah penceraian, maka anak tersebut boleh dinasabkan kepada lelaki yang berkahwin dengan perempuan tersebut.

## KESIMPULAN

*Baby Hatch* merupakan satu alternatif bagi menangani masalah buang bayi. Ini kerana, setiap anak yang dilahirkan berhak untuk hidup dan membesar dengan sihat. Perkembangan *Baby Hatch* di Malaysia tidak lari dari pandangan positif dan negatif. Segala permasalahan yang timbul dalam menjalankan idea *Baby Hatch* ini telah sedaya upaya diatasi oleh semua pihak termasuk Undang-Undang Syariah dan Undang-Undang Malaysia.

Nasab merupakan hak pertama yang diberikan kepada seorang bayi yang dilahirkan. Nasab ditentukan melalui *firash* iaitu pembuktian bahawa adanya hubungan antara lelaki dan wanita melalui pernikahan, pengakuan atau ikrar, keterangan, kesaksian, ujian DNA, *qiyafah* iaitu mengesan jejak dan aplikasi URCIC. Penentuan nasab bayi di *Baby Hatch* boleh dibahagikan kepada bayi yang tidak dituntut dan bayi yang dituntut. Bayi yang tidak dituntut akan dinasabkan mengikut pengenalan diri yang ditinggalkan. Namun, majoriti bayi yang ditinggalkan di *Baby Hatch* tidak mempunyai dokumen sokongan yang menentukan nasab mereka dan akhirnya dinasabkan kepada sembilan puluh sembilan nama Allah. Bagi bayi yang jelas

bukan Islam, tidak ada ketetapan nasab kepada mereka kecuali melalui pengangkatan anak, bermakna keluarga angkat boleh menasabkan anak kepada nama keluarga mereka.

Di Malaysia penasaban berlaku mengikut Eknamen Keluarga Islam digubal setiap negeri yang berdasarkan kaedah-kaedah ditetapkan oleh Islam Manakala, anak yang bukan muslim akan didaftarkan melalui prosedur undang-undang dalam Akta Keterangan 1950, Seksyen 112. Begitu juga kaedah penasaban bayi di *Baby Hatch*, sekiranya terdapat dokumen yang boleh dikenalpasti, mereka masih tertakluk kepada undang-undang yang telah ditetapkan.

## RUJUKAN

- Al-Quran dan terjemahnnya rasm Uthmani. (1990). Madinah: Mujamma Malik Fahd li Thiba at al-Mushlaf as-Shariff.
- Abu Zahrah. (1978). *Syafii hayatuhu wa asruhu wa ara'uhu wa fiqhuhu*. Mesir: Dar al-Fikri Arabi
- Al-Shafi'i. Muhammad bin Idris (1422/2001). *Al-Umm*. Juz 8. Mansurah: Dar al-wafa.
- Al-Zaydan, Abdul karim. (1993). *Al-Mufassal fi ahkam al-mar'ah wa bayt al-Muslim*, Jil 9, Lubnan: Muassasah ar-Risalah.
- Al-Zuhayli, Wahbah. (t.th). *Al-Fiqh al-Islami wa adillatuh*. Damascus: Dar Al-Fikr.
- Al-Zuhayli, Wahbah. (t.th). *Al-Fiqh al-Islami wa adillatuh*. Kaherah: Dar Al-Fikr. Jil 8.
- Al-Zuhayli, Wahbah. (1996). *Al-Fiqh al-Islamiyy wa adillatuh*. Damsyik: Dar al-Fikr. Ed ke-3. Jil 7.
- Anuar Zaini. (2001). *Kemajuan sains dan teknologi kesannya terhadap perkembangan hukum Islam Malaysia kini dalam hukum Islam semasa*. Ulang cetak, Kuala Lumpur: APIUM.
- Che Maryam Ahmad. (2004). *Penentuan nasab dan amalannya di mahkamah syariah Malaysia*. Dlm Zaini Nasohah et al.Syariah dan Undang-undang satu perbandingan Kuala Lumpur: Utusan Publication&Distributors sdn bhd.
- Freemalaysiatoday. (13 Sept, 2016). *140 anak luar nikah setiap hari, lapor JPN*. Diakses di <http://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/2016/09/13/140-anak-luar-nikah-lahir-setiap-hari-lapor-jpn/> pada (14 Julai 2017).
- Hibbert, Katharine. (2006). *The child catchers*. The Times, London.
- Ibn Abiddin, Muhammad Amin. 1996. *Mughni al-muhtaj*. Kaherah: Maktabah al-Jumhuriyyah Al-Arabiyyah. Jid 8.
- Ibn Manzur & Muhammad bin Mukrim. (t.th). *Lisan al-Arab*. Kaherah: Dar Al-Ma'arif. Jilid. 1. hlm .754.

- Ibrahim Abdul Fattah. (1995). *Ahkam al-usrat fi al-syari'ah al-Islamiyyah (Fiqhan wa Qanun)*. Iskandariyyah: Maktabah al-Ishaa li al-Thobaah wa al-Nasr .
- Jabatan Kebajikan Masyarakat. (17 Oktober, 2013). *Baby hatch*. Diakses di <http://jkmpetaling.blogspot.my/2013/10/baby-hatch-pusat-perlindungan-bayi.html> pada (13 Julai 2017).
- Long foon fong. (17 Januari, 2016). *More than half of 104 dumped babies found dead in 2015* . Diakses di <http://www.thestar.com.my/news/nation/2016/01/17/more-than-half-of-104-dumped-babies-found-dead-in-2015/> pada 14 Julai 2017.
- Luis Ma'luf. 1997. *Al-Munjid fi' Al-Lughah*. Beirut: Dar Al-Masyriq, 1997.
- Mahmood Zuhdi Hj Abdul Majd. 2004. *Fiqh Malaysia: Konsep dan cabarannya dalam fiqh Malaysia ke arah pembinaan fiqh tempatan yang terkini*. APIUM: Al-Baian Corporation.
- Mahmud Saedon. (2003). *Undang-undang keterangan Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Malaysiakini. (11 Julai, 2017). *Mayat bayi tanpa kepala mungkin dimakan anjing liar*. Diakses di <https://www.malaysiakini.com/news/388114> pada (13 Julai 2017).
- Muhammad Juwad Mughniyah. (t.th) . *Fiqh al-Imam Ja'far as-Sadiq*. Beirut: Dar al-'Ilm. Jilid 3. Hlm.313.
- Muhammad ibn Ahmad ibn Muhammad ibn Muhammad ibn Muhammad. (1994). *Bidayatul al-mujtahid wa nihayat al-muqtasid*. Kaherah: Maktabah al-Khanjiy.
- Muhammad Nasir Muhammad. 2005. Al-Ithbat bil Khibrah, Jordan: Dar an-Nafais. OrphanCare Foundation. Diakses di <http://www.orphancare.org.my> pada (14 Julai 2017)
- Ramli. (t.th). *Nihayah al-Muhtaj*. Beirut: Dar kutub al-'Ilmiyah.
- Siti Zalikha Mohd Nor. (1989). *Perlindungan kanak-kanak di dalam Islam: perlaksanaannya menurut undang-undang di Malaysia*. Kuala Lumpur. Nurin Enterprise.
- Jabatan Kimia Malaysia. *Ujian DNA paterniti*. (t.th). Diakses di <http://www.kimia.gov.my/dnapaternitiBM.htm>. pada (14 Julai).
- Undang-Undang Malaysia (cetakan semula) (2006). *Akta 56, Akta Keterangan 1950 mengandungi segala pindaan hingga 1 Januari 2006*. Pesuruhjaya Penyemak Undang-Undang Malaysia: Dibawah kuasa Akta penyemak Undang-Undang 1968.
- Urcic Family History. Diakses di <https://www.ancestry.com/name-origin?surname=urcic> pada (27 Februari 2018)
- Zulkifli Hassan. (2008). *Memahami undang-undang keterangan Islam*. T.tp: T.tp